



NAJIB TUN RAZAK dan Muhyiddin Yassin menyaksikan Raja Arshad Raja Tun Uda (dua dari kiri) menyerahkan dokumen Pengagihan Keuntungan Ekuinas Menerusi PNB kepada Hamad Kama Piah Che Othman di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Ahmad Husni Hanadzlah. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Lebih 10 juta bumiputera bakal peroleh manfaat

Ekuinas untung, agih RM500j kepada PNB

UJEN MOHD. ASRON MUSTAPHA
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 NOV.

MASYARAKAT bumiputera menerima 'durian runtuh' apabila kerajaan bersetuju mengagihkan RM500 juta daripada keuntungan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB), sekali gus menyaksikan lebih 10 juta bumiputera bakal memperoleh manfaat.

Keputusan tersebut dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selepas beliau berbangga dengan pencapaian cemerlang Ekuinas yang mencatat keuntungan Pulangan Kasar Portfolio RM655.9 juta bagi tahun kewangan berakhir Disember 2013, iaitu satu jumlah melebihi sasaran awal ditetapkan kerajaan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, PNB dipilih untuk membantu usaha kerajaan mengagihkan keuntungan Ekuinas kerana institusi tersebut merupakan platform paling sesuai berdasarkan

Pengagihan keuntungan Ekuinas ini juga membuktikan keberkesanan strategi kerajaan yang berpandangan jauh dalam usaha meningkatkan ekuiti bumiputera menerusi model modal persendirian."

NAJIB TUN RAZAK
 Perdana Menteri

lebih 10 juta penduduk bumiputera di negara ini memiliki unit amanah diuruskan badan berkenaan.

Menurutnya, pengagihan yang diterima PNB kemudian akan digunakan untuk disimpan dan dibuat pelaburan lanjutan supaya jumlah

tersebut berkembang menjadi lebih besar sehingga boleh dinikmati oleh para pemegang unit bumiputera secara mampan bagi tempoh jangka masa panjang.

"Ini adalah selaras dengan peranan PNB sebagai penaung yang bertanggungjawab memelihara serta mengembangkan ekuiti dan kekayaan bumiputera. Kerajaan berharap inisiatif ini berupaya menggalakkan budaya melabur dalam kalangan bumiputera untuk meneruskan agenda kaum itu.

"Pengagihan keuntungan Ekuinas ini juga membuktikan keberkesanan strategi kerajaan yang berpandangan jauh dalam usaha meningkatkan ekuiti bumiputera menerusi model modal persendirian," katanya dalam majlis Pengagihan Keuntungan Ekuinas Menerusi PNB di Bangunan Parlimen hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri

Hamad Kama Piah Che Othman; Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad.

Ekuinas ditubuhkan pada September 2009, bertujuan menyediakan modal persendirian kepada syarikat bumiputera bersaiz sederhana yang berpotensi bagi mentransformasikan syarikat berkenaan untuk menjadi peneraju pada masa hadapan, selaras dengan agenda bumiputera negara.

Setakat ini, Ekuinas telah membuat 30 pelaburan dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi tempatan dengan jumlah melebihi RM2.3 bilion, selain menyediakan peluang kepada 201 pengurus dan 9,336 kakitangan yang kebanyakan adalah masyarakat bumiputera.

Dalam pada itu, Najib melahirkan keyakinan bahawa kadar pulangan Ekuinas untuk tahun kewangan 2014 akan meningkat berikutan kejayaan penyenaaran Icon Offshore Berhad di Bursa Malaysia pada Jun lalu iaitu syarikat peneraju yang berjaya dibentuk oleh Ekuinas.